

FENOMENA ALAM DALAM PANTUN MELAYU

(Natural Phenomena in Malay Pantun)

Maulana Al-Fin Che Man*
maulanaalfin91_ukm@yahoo.com

Nor Hashimah Jalaluddin
shima@ukm.edu.my

Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):*

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Maulana Al-Fin Che Man & Nor Hashimah Jalaluddin. (2022). Fenomena alam dalam pantun Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 15(2), 161-176. [https://doi.org/10.37052/jm.15\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/jm.15(2)no1)

Peroleh: Received:	18/5/2022	Semakan: Revised	27/5/2022	Terima: Accepted:	24/6/2022	Terbit dalam talian: Published online:	1/7/2022
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	----------

Abstrak

Fenomena alam yang berkaitan dengan maritim, seperti ribut, angin, ombak, taufan, bintang, air pasang, puting anak, gelombang dan arus, banyak ditemukan. Hal ini sangat berkait rapat dengan alam Melayu yang hebat dari aspek maritim. Sehubungan dengan itu, terdapat banyak bukti fenomena alam dalam pantun. Pantun bukan sekadar alat hiburan, gurauan, sindiran atau digunakan di majlis persandingan, tetapi mengandungi banyak falsafah dan akal budi. Kajian lepas tentang pantun Melayu banyak menyentuh aspek flora dan fauna yang terdapat dalam pantun. Makalah ini bertujuan untuk mengkategorikan fenomena alam yang berlaku di lautan dan mendeskripsikan makna pantun berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif yang terdapat dalam bidang semantik. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini telah mengenal pasti 77 rangkap pantun yang terdapat dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu* yang mengandungi leksikal yang berkaitan dengan fenomena alam di lautan. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat Melayu terdahulu menganalogikan alam sekeliling (fenomena alam) dengan kehidupan manusia menerusi pantun. Fenomena alam ini dijadikan sebagai metafora dalam pantun menerusi pemerhatian dan pengalaman yang dilalui oleh masyarakat Melayu

terdahulu. Pemilihan unsur fenomena alam ini adalah untuk mencungkil falsafah dan akal budi Melayu yang terselit dalam pantun menerusi kajian multidisiplin. Penghasilan pantun bukan sekadar sewenang-wenangnya, tetapi terselit falsafah dan akal budi Melayu di dalamnya.

Kata kunci: Pantun, fenomena alam, akal budi Melayu, multidisiplin, semantik inkuisitif, falsafah.

Abstract

Numerous natural phenomena are associated with the sea, such as storms, winds, waves, hurricanes, stars, tides, tornadoes, and currents. This is strongly linked to the substantial Malay world on maritime matters. As a result, there is a wealth of evidence for natural phenomena in the pantun. Pantun is not merely a form for amusement, a joke, satire, or something presented in a wedding ceremony; it contains a wealth of philosophy and thoughts. Past research on Malay pantun have primarily focused on flora and fauna found in pantun. This article aims to categorise the natural phenomena that occur in the ocean and characterise the meaning of the pantun based on the inquisitive semantic approach developed in the area of semantics. To achieve the said objective, this study identified 77 pantun found in the book titled Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu, which contains lexical references to natural phenomena in the ocean. The findings of this study indicate that the Malay community in the past used pantun to analogize the environment (natural phenomena) to human life. Such natural phenomena were used as metaphors in pantun to mark the observations and experiences of the Malay community in the past. Through a multidisciplinary study, the aspects of natural phenomena were used to uncover Malay philosophy and the Malay mind hidden within the pantun. The making of pantun is not arbitrary; it is embedded in Malay philosophy and the Malay mind.

Keywords: Pantun, natural phenomena, Malay mind, multidiscipline, inquisitive semantics, philosophy

PENGENALAN

Sejak era 1960-an, terdapat perbalahan terhadap pembahagian cabang geografi, sehinggalah bidang ini dibahagikan kepada dua, iaitu fizikal dan manusia pada era 1980-an. Oleh sebab itu, kini, geografi dikategorikan sebagai suatu disiplin yang bersifat bipolar yang terdiri daripada geografi fizikal dan geografi manusia. Pembahagian ini diterima oleh orang ramai kerana dapat memudahkan pengajaran dan penyelidikan (Clark, Gregory, & Gurnell, 1988). Pembahagian ini menjadikan

kajian dalam bidang geografi lebih terfokus. Geografi fizikal ialah kajian tentang ciri ruang dan bumi serta hubungan fenomena yang berlaku dalam sekitaran fizikal bumi (Whittow, 1984). Menurut Sharifah Mastura SA (2005), geografi fizikal mempunyai tiga ciri utama, iaitu geomorfologi, kaji cuaca atau kaji iklim dan biogeografi. Geografi fizikal ini merangkumi bumi sebagai satu sistem, batuan, lautan, iklim, luluhawa, ekosistem, tumbuhan dan haiwan. Oleh hal yang demikian, kajian ini lebih memfokuskan geografi fizikal berbanding dengan geografi manusia kerana berkaitan dengan fenomena alam semula jadi. Fenomena, seperti ribut, angin, ombak, taufan, bintang, air pasang, puting anak, gelombang dan arus yang terdapat dalam pantun Melayu membawa tafsiran makna yang sangat menarik. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu terdahulu ialah pelayar yang hebat. Berdasarkan pengalaman pelayaran, orang Melayu telah mengabadikan fenomena alam yang ditemukan di tengah lautan sebagai pembayang dan makna dalam pantun. Menerusi kajian multidisiplin ini, pantun Melayu dapat diberikan nafas baharu dari segi pemahaman makna sebenar pantun apabila dilihat dari perspektif lain, seperti bidang geografi.

Pantun ialah satu daripada bentuk puisi Melayu tradisional, selain syair, gurindam, seloka, dan ikatan puisi bebas, iaitu teromba, mantera, pepatah dan petitih yang masih wujud sehingga hari ini. Menurut Omardin Haji Asha'ari (1961), usia pantun Melayu ibarat usia sebelum pandainya orang Melayu menulis dan membaca. Malah, menurut Daillie (1988) pula, jika seseorang itu berminat untuk mempelajari bahasa Melayu, orang tersebut boleh belajar menerusi pantun Melayu kerana usia pantun Melayu dipercayai seusia dengan bahasa Melayu itu sendiri dan masih wujud sehingga hari ini. Menurut Zainal Abidin Ahmad (1965), pantun yang baik harus mempunyai ciri bahagian pembayang yang cantik, iaitu menggambarkan suatu keindahan alam sekeliling, warna yang cantik, bau yang wangi, bunyi yang sedap, daun, bunga dan awan. Setiap pembayang pantun yang digunakan mempunyai makna dan nilai yang tersendiri mengikut falsafah masyarakat Melayu. Kajian lepas tentang pantun lebih banyak menyentuh aspek alam flora dan fauna yang terdapat dalam pantun. Oleh sebab itu, kajian ini memfokuskan unsur fenomena alam yang digunakan sebagai pembayang pantun. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur atau objek yang digunakan dalam pantun mempunyai makna yang sangat rapat dari segi hubungan unsur abstrak dengan unsur konkrit. Bidang linguistik pula mampu menghuraikan hubungan tersebut dan memperlihatkan hubungan fenomena alam dengan kehidupan masyarakatnya menerusi pantun.

KAJIAN LEPAS

Kajian berkaitan fenomena alam telah sering dilakukan oleh pengkaji lepas, sama ada dari luar negara mahupun pengkaji tempatan. Azman Mat Nor *et al.* (2009)

dan Shaharuddin Ahmad, *et al.* (2009) telah membincangkan fenomena gerhana matahari dan fenomena pulau haba bandar. Menerusi kajian ini, pengkaji lepas telah menyentuh aspek kesan yang berlaku di kawasan sekitaran yang terlibat dengan fenomena tersebut. Sebagai contohnya, kajian oleh Azman Mat Nor *et al.* (2009) dilakukan semasa berlakunya fenomena gerhana matahari pada 3 Januari 2009 di Indonesia. Pengkaji tersebut menemukan beberapa kesan ketika berlakunya gerhana matahari tersebut, seperti perubahan bacaan suhu sekitaran apabila bulan bergerak, perubahan tahap kecerahan langit dan keadaan telur yang berdiri. Kedua-dua kajian ini ialah kajian dalam bidang geografi. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Dewi Lestari *et al.* (2022) membincangkan tiga fenomena alam pada bintang neutron. Kajian yang dilakukan Dewi Lestari *et al.* (2022) ini ialah kajian dalam bidang fizik. Pengkaji tersebut cuba memahami fenomena yang berlaku di dalam struktur bintang neutron. Terdapat tiga fenomena yang dibincangkan dalam kajian itu, iaitu ketumpatan bintang neutron, medan magnet bintang neutron dan perubahan bentuk bintang Neutron. Pengkaji tersebut menggunakan Teori Kesan Hall, Teori Kesan Ohmic dan dan Teori Persamaan *The Oppenheimer-Volkoff* (TOV) untuk membincangkan ketumpatan, kekuatan medan magnet dan profil bintang neutron, masing-masing. Secara jelasnya, ketiga-tiga kajian lepas ini terfokus dalam dua bidang, iaitu bidang geografi dan fizik. Kajian lepas ini amat berbeza daripada kajian fenomena alam dalam pantun dari segi pendekatan dan data yang digunakan.

Selain itu, Basuki dan Sri Rejeki (2021) dan Hunter Janet (2015) telah menjalankan kajian yang berkaitan dengan fenomena gempa bumi. Basuki dan Sri Rejeki (2021) lebih menekankan pendekatan dan metodologi yang digunakan untuk meneliti fenomena gempa bumi. Hasil penelitian menemukan bahawa pengetahuan tentang gempa bumi bersifat multidisiplin yang melibatkan bidang falsafah, teknik, sosiologi, ekonomi, kesihatan, pendidikan dan pengurusan bencana alam. Hunter Janet (2015) pula hanya menjalankan kajian tinjauan terhadap tiga jilid naskhah monograf yang mencatatkan fenomena gempa bumi yang berlaku di Jepun antara tahun 1855 hingga tahun 2011. Pada jangka masa ini, berlaku pelbagai kemusnahan yang disebabkan oleh fenomena gempa bumi. Oleh sebab itu, dalam naskhah tersebut ada disebutkan tentang ketidakstabilan politik Jepun bermula dari zaman Edo sehinggalah zaman milenium, kemiskinan dan kehancuran sosial dan budaya masyarakat Jepun serta cara kerajaan Jepun bangkit semula setelah dilanda fenomena tersebut. Pada masa yang sama, tiga karya yang disemak ini telah memberikan sumbangan besar kepada kesusasteraan sedia ada dengan membolehkan orang lain lebih memahami cara orang di Jepun berusaha untuk mentafsir, bertindak balas dan memanipulasi tiga daripada bencana gempa bumi besar dalam sejarah moden negara itu. Jelasnya, kedua-dua kajian ini boleh dianggap sebagai kajian multidisiplin kerana melibatkan

beberapa bidang lain dan bidang geografi sebagai terasnya. Namun begitu, masih wujud kelompangan dalam kajian ini kerana kajian fenomena alam dalam pantun berusaha untuk melihat fenomena alam yang berlaku di laut. Hal ini kemudiannya dapat dikaitkan dengan makna sebenar pantun Melayu yang hendak disampaikan.

Menerusi kajian pantun yang pernah dilakukan oleh pengkaji lepas, terdapat beberapa kelompangan dari segi teori dan pendekatan, serta unsur yang disentuh dalam kajian pantun. Walaupun telah banyak kajian tentang pantun dilakukan sebelum ini, fokusnya lebih bersifat multidisiplin. Antaranya termasuklah kajian yang dilakukan oleh Kartini Abd Wahab (2016); Maulana Al-Fin dan Nor Hashimah Jalaluddin (2021); Nor Hashimah Jalaluddin (2014); Nor Hashimah Jalaluddin (2019). Semua pengkaji lepas ini memilih unsur flora dan fauna yang terdapat dalam pantun, seperti buah, profil tumbuhan, burung dan ulam. Contohnya, Kartini Abd Wahab (2016) telah meneliti 50 data pantun daripada buku *Kurik Kundi Merah Saga* (KKMS) dan mendapati bahawa pantun Melayu mendeskripsikan profil tumbuhan dari segi habitat, ciri botani, khasiat dan kegunaannya sebagai sumber makanan, perubatan dan ekonomi masyarakat. Pengkaji lepas ini turut menggunakan kaedah soal selidik untuk mengetahui tahap pengetahuan leksikal masyarakat tentang leksikon tumbuhan yang terdapat dalam pantun. Selain itu, kajian Nor Hashimah Jalaluddin (2019) berkaitan dengan pantun banyak menyentuh tentang flora, seperti buah dan ulam. Dalam kajian lepas oleh Nor Hashimah (2019) pula, pengkaji ini berjaya mencungkil falsafah dan akal budi di balik pemilihan unsur atau objek flora dengan makna pantun Melayu. Walaupun Kajian lepas ini bersifat multidisiplin, belum ada yang menyentuh aspek fenomena alam dalam pantun. Pada masa yang sama, kajian ini dapat mengabungkan dua bidang geografi, iaitu geografi fizikal dan geografi manusia, yang dapat dilihat pada pembayang dan maksud pantun.


METODOLOGI

Kajian ini ialah kajian kualitatif dan menggunakan data sekunder. Berdasarkan penelitian terhadap buku *KKMS*, terdapat sebanyak 5653 rangkap pantun lisan tradisional Melayu yang pernah direkodkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Secara keseluruhannya, sebanyak 77 rangkap pantun yang berkaitan dengan fenomena alam yang berlaku di lautan telah dikenal pasti. Pantun tersebut ialah pantun Melayu yang dirakamkan oleh kumpulan penyelidik sastera Dewan Bahasa dan Pustaka di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, sejak tahun 1985. Pantun ini dikenal pasti berdasarkan makna fenomena alam dan leksikal fenomena alam yang terdapat dalam pantun.

Kajian yang disandarkan pada satu-satu teori yang sesuai dianggap sebagai mempunyai ciri saintifik apabila memenuhi tiga ciri kepadaan, iaitu memerhati, menghuraikan dan menjelaskan fenomena yang dikaji (Nor Hashimah Jalaluddin,

2007). Bagi membentuk sebuah kajian yang bersifat multidisiplin, kajian ini mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif. Kajian multidisiplin ialah gabungan beberapa disiplin ilmu untuk menjadikan satu-satu kajian itu lebih menarik. Penghasilan kajian yang bersifat multidisiplin ini dapat menyejagatkan kajian bahasa Melayu supaya setanding dengan bahasa lain di dunia (Nor Hashimah Jalaluddin, 2015). Oleh sebab itu, dalam tatacara linguistik, terdapat satu cara untuk memahami fenomena alam dalam metafora Melayu, iaitu dengan mengikuti sistem daripada peringkat harfiah/literal hingga peringkat kognitif, seterusnya hingga peringkat falsafah. Sistem ini sudah terkandung dalam pendekatan yang dikenali sebagai pendekatan semantik inkuisitif. Aliran pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) ini ditunjukkan dalam Rajah 1.

Nor Hashimah Jalaluddin (2014) juga menegaskan bahawa semantik inkuisitif ialah semantik yang mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, falsafah dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Makna abstrak yang dipetakan kepada data yang konkrit daripada peribahasa atau pantun contohnya, mampu membantu pembaca memahami makna yang hendak disampaikan. Ada satu proses yang terhenti setakat kognitif sebelum ini, iaitu semasa pemetaan makna konkrit kepada makna abstrak. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2020), dalam proses pemetaan makna konkrit kepada makna abstrak



Rajah 1 Aliran pendekatan semantik inkuisitif. (Sumber: Nor Hashimah Jalaluddin, 2020)

ini, wujudnya ruang mental (*mental space*). Ruang mental ini harus dipenuhi dengan maklumat falsafah dan budaya penutur bagi mendapatkan makna sebenar yang hendak dicapai. Setelah ditambah dengan maklumat falsafah dan budaya, secara tidak langsung, akal budi penuturnya dapat diserlahkan. Pada tahap tersebut, persoalan “kenapa” dan “mengapa” juga seharusnya telah terjawab.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada pengelompokan data pantun dalam *KKMS*, pengkaji telah membina jadual untuk menunjukkan dapatan data pantun mengikut jenis fenomena alam yang terdapat di lautan. Antaranya termasuklah ribut, angin, ombak, gelombang, taufan, bintang, air pasang, puting anak dan arus. Jadual 1 menunjukkan bilangan dan peratusan rangkap pantun yang berunsurkan fenomena alam maritim.

Berdasarkan Jadual 1, fenomena alam ribut dan angin mencatatkan bilangan dan peratusan yang tertinggi, iaitu sebanyak 20 rangkap pantun (26%). Seterusnya, angka ini diikuti oleh fenomena ombak yang hadir sebanyak 15 rangkap pantun (19.5%). Pantun berunsurkan fenomena gelombang pula mencatatkan bilangan sebanyak sembilan rangkap pantun (11.7%). Fenomena alam taufan, bintang, dan air pasang pula masing-masing mencatatkan enam (7.8%), tiga (3.9%) dan dua rangkap pantun (2.5%). Jenis fenomena alam yang terendah ialah fenomena puting anak dan arus yang hanya ditemukan sebanyak satu rangkap pantun (1.3%). Berdasarkan dapatan dalam Jadual 1, pengkaji membincangkan pemahaman makna pantun berdasarkan disiplin geografi yang terdapat dalam penciptaan pantun Melayu.

Pemilihan fenomena alam dalam pantun bukan hanya bersifat wewenang (Maulana Al-Fin & Nor Hashimah Jalaluddin, 2021). Setiap pemilihan objek dalam

Jadual 1 Bilangan dan peratusan pantun yang berunsurkan fenomena alam.

Fenomena Alam	Bilangan	Peratusan (%)
Ribut	20	26.0
Angin	20	26.0
Ombak	15	19.5
Gelombang	9	11.7
Taufan	6	7.8
Bintang	3	3.9
Air pasang	2	2.5
Puting anak	1	1.3
Arus	1	1.3
Jumlah	77	100

pantun, seperti fenomena alam, mengandungi falsafah dan akal budi Melayu. Hal ini dibuktikan menerusi penciptaan pembayang dan maksud pantun yang sangat berkait. Oleh sebab itu, analisis dan perbincangan ini meneroka dan membuktikan bahawa terdapat hubungan yang sangat rapat antara fenomena alam yang dipilih sebagai objek dengan maksud pantun. Sebagai contohnya, pembayang dalam pantun yang berikut menggunakan objek “ombak” sebagai pembayang pantun yang boleh dianalogikan kepada “perasaan berbolak-balik”.

Pantun 1

Pasang ombak di laut tinggi,
Gelombang macam di Tanjung Puri;
Jika abang berjiwa tinggi,
Jika sungguh menyerah diri.

Pantun 2

Ombak di laut meniti buih,
Ombak datang dari seberang;
Antara budi dengan kasih,
Mana satu dikenang orang?

(*KKMS*, 2013: 227 & 601)

Orang Melayu terdahulu berlayar di lautan tanpa menggunakan kompas dan hanya berpandukan ombak, gelombang, angin, dan bintang sebagai panduan untuk pergi ke satu-satu tempat. Orang Melayu telah memilih fenomena alam sebegini sebagai rujukan konkrit untuk dijadikan sebagai pembayang pantun. Setiap pantun empat kerat terdiri daripada dua baris pembayang dan dua baris maksud. Berdasarkan pengamatan yang dilakukan menerusi kajian ini, didapati bahawa setiap pantun yang mengandungi objek ombak membawa maksud kewujudan suatu perasaan yang bersifat tidak pasti atau waswas. Perasaan ini dapat ditunjukkan dalam baris maksud dalam contoh pantun 1 dan pantun 2, iaitu berkaitan dengan perasaan yang berbolak-balik atau tidak pasti. Kajian ini mendapati bahawa penggunaan objek “ombak” turut memberikan maksud yang sama seperti yang terdapat dalam beberapa peribahasa Melayu. Antaranya termasuklah “ombak kedengaran, pasirnya tidak kelihatan” yang bermaksud “khabar angin yang belum tentu kesahihannya” dan “kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai” yang membawa maksud “jika takut kepada risiko, jangan dekati bahaya”. Kedua-dua peribahasa ini juga menggambarkan maksud ketidakpastian atau masih dalam perasaan ragu-ragu terhadap satu-satu perkara.

Maksud pantun yang terhasil ini bukanlah bersifat wewenang atau secara kebetulan semata-mata, tetapi terkandung falsafah dan kebijaksanaan orang Melayu dalam pemilihan objek sebagai pembayang. Maksud “berbolak-balik”, “tidak pasti” atau “ragu-ragu” ini terhasil daripada pengamatan orang Melayu terdahulu terhadap kejadian ombak itu sendiri. Secara lahiriahnya, orang Melayu terdahulu sudah memahami konsep kejadian ombak dan ciri setiap ombak yang terhasil di lautan berdasarkan pengalaman ketika belayar. Tanpa disedari, masyarakat Melayu terdahulu sudah mahir dengan keadaan geografi di pesisir laut dan laut dalam. Cerita tentang ombak ini turut terdapat dalam surah *an-Nur* 24:40 dengan maksud:

“Atau (keadaan orang kafir) seperti gelap gelita di lautan yang dalam, yang diliputi oleh ombak bertindih ombak, di atasnya ada (lagi) awan gelap. Itulah gelap gelita yang berlapis-lapis. Apabila dia mengeluarkan tangannya hampir tidak dapat melihatnya. Barang siapa tidak diberikan cahaya (petunjuk) oleh Allah, maka dia tidak mempunyai cahaya sedikit pun.”

Dalam ayat 40 surah *an-Nur* ini, kata *mauj* bermaksud ombak, manakala kata *bahr lujji* bermaksud lautan yang dalam. Kalimat “yang diliputi oleh ombak bertindih ombak, di atasnya ada (lagi) awan gelap” membawa maksud bahawa air di laut yang dalam diliputi oleh ombak dan di atas ombak ini pula ada ombak lain (Mohd Arip, 2007). Keadaan ini menunjukkan bahawa lapisan ombak yang kedua ini ialah ombak di permukaan laut yang biasa dilihat. Dalam keadaan lautan dalam yang gelap gelita, Allah SWT menyatakan kewujudan ombak yang berlapis-lapis. Para ilmuwan juga menemukan ombak dalam (*internal waves*) yang terjadi pada batas pertemuan dua lapisan air yang memiliki perbezaan kepekatan (Harun Yahya, 2001). Ombak dalam terjadi pada permukaan lapisan air pada kedalaman lautan kerana ombak tersebut memiliki kepekatan yang lebih tinggi berbanding dengan air di atasnya. Ombak dalam mempunyai sifat seperti ombak permukaan yang juga mampu memecah seperti ombak di permukaan (Harun Yahya, 2001). Ombak ini hanya mampu dikesan menerusi peralatan canggih dengan mengetahui perubahan suhu dan kandungan garam di lokasi tertentu. Ombak di bawah air bergerak menerusi sempadan antara lapisan air yang berbeza suhu dan ketumpatan (Mohd Arip, 2007). Biasanya, ombak ini terbentuk apabila air pasang menarik lapisan bawah air yang tumpat melalui permukaan yang kasar. Apabila lapisan bawah berombak-ombak, terhasillah ombak di sepanjang permukaan lapisan air yang terdapat dalam lautan dalam (Kamarul Azmi Jasmi & Nur Syazwani Mohd Hanafiah, 2013).

Berdasarkan penjelasan tentang pembentukan ombak menerusi al-Quran dan kajian saintifik ini, dapat dirumuskan bahawa ombak memiliki ciri tertentu, seperti bergulung-gulung, berbuih-buih, bersaiz besar dan kecil, serta bertindak sebagai agen

pengangkut atau pengubah bentuk muka bumi (Mohd. Ekhwan Toriman, 2006). Ciri inilah yang dijadikan sebagai rujukan bagi orang Melayu terdahulu untuk membina maksud terhadap pantun yang dicipta. Ciri ombak dalam pantun ini merujuk sesuatu perkara yang tidak pasti dan sukar diramal. Sifat ombak yang tidak tetap ini boleh menjadi penyebab bagi perkara yang baik atau amaran kepada manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana wujudnya ombak yang kecil dan tenang, serta wujud juga ombak yang besar dan bahaya. Hal ini menunjukkan bahawa fenomena alam, seperti “ombak” yang terdapat dalam pantun sangat bertepatan dengan mesej yang hendak disampaikan oleh pemantun.

Pendekatan semantik inkuisitif yang telah diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) mampu menjawab persoalan yang menunjukkan proses pemerolehan maksud sebenar pantun Melayu. Berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif, proses penghasilan makna pantun perlu melalui tiga tahap, iaitu tahap makna harfiah, tahap makna kognitif dan tahap falsafah dan akal budi. Berdasarkan ilmu linguistik yang bersifat multidisiplin ini, kajian ini dapat memperlihatkan fenomena alam yang dianalisis menerusi proses pemetaan konkrit kepada abstrak. Dalam Pantun 3, terdapat fenomena alam, iaitu ribut, yang dipilih sebagai pembayang pantun tersebut. Objek “ribut” ini dapat dianalisis dengan menggunakan semantik inkuisitif untuk menjelaskan “kenapa” objek ribut dipilih.


Pantun 3

Loceng berbunyi pukul lapan,
Perahu belayar kena ribut;
Kasih seperti paku di papan,
Pecah papan paku tercabut.

(*KKMS* 2013: 190)

Makna harfiah Pantun 3 merujuk loceng yang terdapat di atas perahu yang berbunyi pada pukul 8 kerana perahu yang sedang belayar tersebut sedang dipukul ribut. Loceng tersebut digunakan sebagai alat penggera kecemasan ketika sesebuah pengangkutan air berada dalam kecemasan. Baris makna pula menerangkan perasaan kasih sayang yang diibaratkan seperti paku yang melekat pada papan secara literalnya. Jika papan tersebut pecah, tercabutlah paku yang melekat padanya. Seterusnya, untuk mentafsirkan makna pada peringkat kognitif, terdapat satu proses yang dikenali sebagai proses pemetaan minda, iaitu pemetaan domain konkrit kepada domain abstrak.

Dalam Pantun 3, domain konkrit merujuk objek “ribut”, manakala domain abstrak merujuk makna yang ditafsirkan, iaitu “cabaran”. Terdapat satu formula mudah untuk memahami metafora yang konkrit, iaitu A ialah B, bukan sebaliknya




Rajah 2 Pemetaan domain. (Sumber: Nor Hashimah Jalaluddin, 2020)

(Hassan Ahmad, 2017). A mewakili domain abstrak dan B mewakili domain konkrit. Menurut Nor Hashimah (2020), hubungan sehalu (*unidirectional*) ini harus berlaku menerusi suatu proses yang dikenali sebagai ruang mental (*mental space*). Di sinilah maklumat bukan linguistik diperkaya untuk memastikan tafsiran bentuk abstrak itu mudah difahami. Dalam ruang mental, pembaca atau pendengar boleh memasukkan elemen bukan linguistik untuk membantu mendapatkan makna yang konkrit. Oleh sebab itu, Nor Hashimah berpendapat bahawa ruang mental ini boleh diperincikan dengan memasukkan falsafah dan budaya untuk mengukuhkan lagi pentafsiran makna yang dihasilkan. Bagi memudahkan cara pemetaan domain, Rajah 3 boleh dimanfaatkan.

Tahap seterusnya ialah tahap ketiga, iaitu tahap falsafah dan akal budi. Pada tahap inilah semantik inkuisitif beroperasi. Kajian pantun sebelum ini banyak terhenti setakat huraian makna harfiah dan makna pada peringkat kognitif sahaja. Oleh sebab pantun Melayu perlu ditafsirkan dengan kemahiran berfikir aras tinggi (*high order thinking skill*), Nor Hashimah Jalaluddin (2014) telah mencadangkan supaya memasukkan maklumat falsafah dan budaya demi mencungkil akal budi di balik pantun. Jawapan di ruang mental diteroka hingga terjawab persoalan “kenapa” objek “ribut” dipilih sebagai pembayang bagi Pantun 3. Persoalan “kenapa” ialah metodologi terbaik untuk menghuraikan falsafah pantun. Pada tahap ini juga, maklumat multidisiplin dimasukkan untuk mengukuhkan huraian falsafah dan akal budi Melayu.

Ribut boleh dikenali sebagai siklon yang terdiri daripada angin, tekanan, awan, kerpasan dan hujan (*Kamus Dewan Perdana*, 2020). Menurut Dendi Rona Purnama



Rajah 3 Proses yang berlaku di minda untuk mendapatkan makna metafora. (Sumber: Nor Hashimah Jalaluddin, 2020)

st al. (2018), badai siklon ialah satu daripada bencana yang boleh memusnahkan mana-mana kawasan yang dilaluinya kerana ukuran badai siklon atau ribut ini sangat besar, dan disertai angin kencang dan gumpalan awan yang terkandung di dalamnya. Impak ribut ini boleh mempengaruhi ekologi dan struktur geomorfologi, terutamanya di lautan (Done, 1992). Saiz ribut atau siklon ini boleh mencecah jarak 250 batu daripada pusat pusaran ribut (Bayong Tjasyono, 2004) dan kelajuan minimum ribut boleh mencecah hingga 33 meter/saat atau bersamaan dengan 64 knot (Horstmeyer, 2011).

Pemilihan leksikal “ribut” dalam pantun ini tidak berlaku secara kebetulan. Berdasarkan pengalaman dan pengamatan pelayar zaman dahulu, pelayar tersebut telah menjumpai dan mengharungi pelbagai jenis keadaan dan situasi di lautan. Antara perkara yang tidak dilupakan termasuklah ribut atau taufan yang dihadapi di lautan. Oleh sebab itu, kenapakah masyarakat Melayu menganggap “ribut” sebagai suatu cabaran? Berdasarkan Pantun 3, “ribut” ialah cabaran dalam perhubungan kasih sayang. Dalam perhubungan kasih sayang, sama ada percintaan atau perkahwinan, manusia tidak dapat lari daripada masalah yang menjadi cabaran untuk kekal bersama atau berpisah di pertengahan jalan. Cabaran setiap pasangan berbeza-beza berdasarkan kemampuan masing-masing seperti yang telah disebut dalam surah *al-Baqarah* ayat 286, iaitu “Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya”. Oleh sebab itu, setiap cabaran dan dugaan perlu dihadapi oleh setiap manusia yang dapat dianalogikan sebagai ribut yang perlu dihadapi oleh pelayar dan nelayan zaman dahulu.

Baris makna Pantun 3 juga menunjukkan kekuatan dan kekukuhan hubungan kasih sayang tersebut. Pemantun mengibaratkan kasih itu seperti paku pada papan. Dalam ilmu seni bina pengangkutan air, bahan yang digunakan untuk membina perahu atau kapal mesti mengambil kira ketahanan fizikal bahan tersebut. Menurut Borhanuddin Shafie (2021), penimbal perahu di Pulau Duyong, perahu selalunya diperbuat daripada kayu keras, seperti cengal dan merbau. Selain itu, paku yang digunakan juga turut diperbuat daripada kayu dan bukannya paku besi. Dalam keadaan ini, berlakunya proses yang dikenali sebagai tanggam paku atau pasak supaya struktur kapal tidak bergerak ketika terumbang-ambing di lautan. Orang Melayu terdahulu menganalogikan proses pembuatan perahu dan kapal ini dengan kekukuhan perhubungan kasih sayang antara manusia. Jika kayu yang digunakan itu tidak keras dan kuat, tercabutlah paku daripada papan dan papan akan pecah. Keadaan ini dianalogikan sebagai hubungan yang terpisah sekiranya pasangan tersebut tidak dapat menahan cabaran dalam perhubungan.

Menurut seorang daripada responden temu bual, apabila berlakunya ribut di tengah lautan, keadaan perahu atau kapal akan terumbang-ambing dialun ombak. Pada ketika itulah, tekong perlu membuat keputusan untuk berlabuh atau meneruskan perjalanan berdasarkan ilmu kelautan yang dimilikinya. Pada masa yang sama, perlu ada kerjasama antara awak-awak di dalam kapal untuk membantu melaksanakan keputusan yang ditetapkan oleh tekong (Azhari Muda, temu bual peribadi, 5 April 2021). Ketika menempuh cabaran dalam perhubungan kasih sayang, manusia turut berada dalam keadaan terumbang-ambing untuk membuat keputusan apabila mengharungi cabaran tersebut.

Falsafah yang hendak disampaikan dalam Pantun 3 ialah segala cabaran dapat ditempuhi sekiranya pasangan itu memiliki ilmu dan pengetahuan yang cukup, sama seperti ilmu kelautan yang dimiliki oleh orang Melayu terdahulu dalam membelah badai dan ribut di tengah laut. Berdasarkan pantun yang ditemukan dalam KKMS (2013), jika seseorang itu mempunyai ilmu dan kerjasama yang utuh antara pasangan, perjalanan hubungan tersebut dapat diteruskan sebagai mempelai yang bahagia. Sebaliknya, jika tekong atau nakhoda kurang arif akan ilmu kelautan, kapal turut karam dibadai ribut.

KESIMPULAN

Sebagai rumusannya, analisis makna secara implisit ini dapat merungkaikan falsafah yang tersimpul rapi dalam ungkapan pantun orang Melayu. Analisis ini juga dapat memperlihatkan kebijaksanaan orang Melayu apabila memilih objek dalam pantun. Di balik fenomena “ombak” dan “ribut”, terdapat kaitannya dengan kehidupan manusia, iaitu cara hidup dan kasih sayang. Berdasarkan pembentukan

ribut dan proses mengharungi ribut di lautan, terkandung pelbagai pengajaran dan nasihat yang perlu dihadap sebaik-baiknya untuk membantu meneruskan kehidupan ini dengan bijaksana. Pantun Melayu tidak terhad pada kajian bahasa dan sastera sahaja, tetapi dapat dirujuk berdasarkan fenomena alam dari segi geografi, seperti ombak dan ribut, untuk menjelaskan jiwa dan kehidupan manusia yang mendiami kawasan tersebut.

PENGHARGAAN

Artikel ini berasaskan penyelidikan TD-2014-006, Elemen Saintifik dalam Bahasa Kiasan Melayu.

RUJUKAN

- Al-Quran. Surah *an-Nur*. Juz 24:40
- Azman Mat Nor, Saedah Haron, Chin Wei Loon, Mohd Hafiz, & Mohd Zambri Zainuddin. (2009). Fenomena gerhana matahari dan kesannya. *Prosiding Seminar Kebangsaan Teknologi Makmal Ke-9*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Basuki, & Sri Rejeki. (2021). Pendekatan dan metoda penelitian fenomena gempa bumi. *Jurnal Teknil Sipil Giratory Upgris*, 2(2), 52-65.
- Bayong, T. H. K. (2004). *Klimatologi*. Penerbit ITB.
- Clark, M. J., Gregory, K. J., & Gurnell, A. M. (1988). *Horizon in physicalgeography*. Macmillan Education Ltd.
- Francois-Rene Daillie, F. R.. (1988). *Alam pantun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dendi Rona Purnama, Kiagus Ardi, Zulistyawan Bayu Christian, & Desak Putu Okta Veanti. (2018). Dampak terjadinya el nino/la nina terhadap intensitas, masa hidup dan frekuensi siklon. *Jurnal Meteorologi Klimatologi dan Geofisika*, 5(2).
- Dewi Lestari, Harto Nuroso, & Joko Saefan. (2022). Tiga fenomena alam pada bintang neutron. *Jurnal Lontar Physics Today*, 1(1), 26-32.
- Done, T. J. (1992). *Effect of tropical cyclone waves on ecological and geomorphological structures on the great barrier reef*. Elsevier.
- Harun Yahya. (2001). *Miracle of the Qur'an*. Al-Attique Publishers Inc.
- Hassan Ahmad. (2017). *Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya*. (ed. kemaskini). Akademi Kajian Ketamadunan.
- Horstmeyer, S. L. (2011). *Tropical cyclones, in the weather almanac: A reference guide to weather, climate, and related issues in the United States and its key cities*. (ed. ke-12). John Wiley & Sons, Inc.
- Hunter Janet. (2015). Earthquakes in Japan: A review article. *Modern Asian Studies*, 50(1), 415-435.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Nur Syazwani Mohd Hanafiah (2013). Al-Quran dan oceanografi Dlm. Kamarul Azmi Jasmi. (Peny.) *Geologi, hidrologi, oceanografi dan astronomi dari perspektif al-Quran* (pp. 43-59). Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Kamus Dewan Perdana*. (2020). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartini Abd Wahab. (2016). Profil tumbuh-tumbuhan dalam pantun Melayu. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 12(11), 29-43.
- Kurik kundi merah saga: Kumpulan pantun lisan Melayu*. (2013). (ed. ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maulana Al-Fin, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2021). Ornitologi dalam pantun berdasarkan analisis semantik inkuisitif. Dlm. Mohammad Fadzeli Jaafar dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan. *Isu dalam Linguistik*. Penerbit UKM.
- Mohd Arip Kasmu. (2007). *Pengukuhan akidah menerusi penghayatan sains dalam al-Quran*. Penerbitan Awan Biru.
- Mohd. Ekhwan Toriman. (2006). Hakisan muara dan pantai Kuala Kemaman, Terengganu: Permasalahan dimensi fizikal dan sosial. *Akademika*, 69, 37-55.

- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). Budaya penyelidikan bertamadun. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah, & Idris Aman (pnyt). *Linguistik: Teori dan Aplikasi* (pp. 16-37). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Syarahan Perdana Jawatan Profesor. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Pelestarian dan perekayasaan bahasa: Mendakap khazanah menenun inovasi. *Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan (Slik2015)*, pp. 1-14.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Ulam-ulaman dan akal budi Melayu. *Prosiding seminar gastronomi Melayu kebangsaan (SEGEMUK 2019)*, pp. 59-76. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2020). *Kecendekiaan Melayu melalui bahasa, sastera dan budaya sumbangsih untuk Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim*. Penerbit Universiti Malaya.
- Omardin Haji Asha'ari. (1961). *Kajian pantun Melayu*. Malaya Publishing House Limited.
- Shaharuddin Ahmad, Noorazuan Md. Hashim, & Yaakob Mohd Jani. (2009). Fenomena pulau haba bandar dan isu alam sekitar di Bandaraya Kuala Lumpur. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 5(3), 57-67.
- Sharifah Mastura SA. (2005). Cabaran arah perubahan kini dalam geografi fizikal di Malaysia. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 1(1), 56-65.
- Whittow. J. (1984). *Dictionary of Physical Geography*. The Penguin.
- Zainal Abidin Ahmad. (1965). *Ilmu mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.